



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: **DATO' ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM**
DIMP,AMN,AMT,PJC

Pendaftar: **Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM**
AMR, MIS (M)

Setiausaha: **Sr RATNA MAHYUDDIN**
FISM

PEKELILING NO. 3/2007

Tarikh : 1 Jun 2007
Kepada : Semua Juruukur Bahan Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Berdaftar Sementara

Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan,

NOTIS MENGENAI PENGGUNAAN BAUCER DISKAUN CPD

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang bersidang pada 13 Julai 2006 telah meluluskan pengeluaran baucer diskaun CPD sebagai ganjaran kepada Juruukur Bahan berdaftar yang cukup syarat pembaharuan pendaftaran dan telah mengemukakan bayaran pembaharuan mereka lebih awal iaitu sebelum atau pada 31hb Disember pada setiap tahun pembaharuan, iaitu dua baucer diskaun CPD bernilai RM50.00 bagi Juruukur Bahan Berdaftar dan satu baucer diskaun CPD bernilai RM25.00 bagi Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar.

Memandangkan pihak LJBM mendapati terdapat kekeliruan di kalangan Juruukur Bahan berdaftar mengenai penggunaan baucer diskaun CPD yang telah dikeluarkan oleh LJBM pada pembaharuan pendaftaran 2007 yang lepas, pihak LJBM dengan ini ingin memaklumkan sekali lagi bahawa penggunaan baucer diskaun CPD tersebut bagaimanapun adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) berkuatkuasa bagi tempoh masa satu (1) tahun bermula 1.1.2007 hingga 31.12.2007.
- (ii) Tidak boleh dipindahmilik (non-transferable)
- (iii) Hanya boleh digunakan untuk program-program CPD anjuran/ dianjurkan bersama oleh LJBM sahaja.
- (iv) Satu (1) baucer hanya boleh digunakan untuk satu (1) program CPD anjuran/ dianjurkan bersama oleh LJBM sahaja.

Semua Juruukur Bahan berdaftar yang mematuhi syarat dan telah diberikan baucer diskaun tersebut dinasihatkan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di atas.

Seharian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,

Abd Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia